



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**PROSEDUR PEMBERITAHUAN
KEMALANGAN, KEMALANGAN NYARIS
KEJADIAN BERBAHAYA, KERACUNAN DAN
PENYAKIT PEKERJAAN SERTA
PENYIASATAN**

Tarikh Kelulusan : Mesyuarat Ke-4 JKKPU 16 Oktober 1998

Tarikh Kemaskini : Mesyuarat ke-25 JKKPU pada 28 Februari 2005

(Prosedur ini boleh didapati di laman web UKKP; <http://www.usm.my/ukkpu>)

A. PENDAHULUAN

Prosedur ini pada asalnya diluluskan oleh Mesyuarat ke 4, JKKPU pada 16 Oktober 1998 dan kemudiannya dikemaskinikan oleh Mesyuarat ke-25 JKKPU pada 28 Februari 2005 berdasarkan kepada Peraturan-Peraturan KKP (Pemberitahuan Mengenai Kemalangan, Kejadian Berbahaya, Keracunan Pekerjaan dan Penyakit Pekerjaan) 2004 untuk pemakaian USM.

B. TAFSIRAN

Mengikut Peraturan-Peraturan KKP (Pemberitahuan Mengenai Kemalangan, Kejadian Berbahaya, Keracunan Pekerjaan dan Penyakit Pekerjaan) 2004.

(i) “Kemalangan’ ertinya sesuatu kejadian yang berbangkit daripada atau berkaitan dengan kerja yang mengakibatkan kecederaan maut atau kecederaan tidak maut.

(ii) Kecederaan

“Kecederaan badan yang serius” - ertinya apa-apa kecederaan yang disenaraikan dalam **Jadual 1**.

“Kecederaan maut” - ertinya kecederaan yang membawa kepada kematian serta merta atau kematian dalam tempoh satu tahun dari tarikh kemalangan

“ Kecederaan tidak maut” - ertinya;

(a) kecederaan masa hilang yang menghalang seseorang pekerja daripada melaksanakan kerja biasa dan membawa kepada ketidakupayaan untuk bekerja biasa dan membawa kepada ketidakupayaan untuk bekerja secara kekal atau sementara; atau

(b) kecederaan tiada masa jika yang tiada masa kerja yang hilang selain yang dikehendaki bagi rawatan perubatan

(iii) “Kejadian berbahaya” ertinya suatu kejadian yang berbangkit daripada atau berkaitan dengan kerja dan termasuk dalam kelas yang dinyatakan dalam **Jadual 2**.

(iv) “Keracunan pekerjaan dan penyakit pekerjaan” ertinya keracunan atau penyakit yang berbangkit daripada atau

berkaitan dengan kerja dan termasuk dalam kelas yang dinyatakan dalam **Jadual 3**.

Selepas ini “Kemalangan, Kejadian Berbahaya, Keracunan Pekerjaan dan Penyakit Pekerjaan” disebut sebagai “kemalangan” kecuali dinyatakan dengan jelas.

C. PEMBERITAHUAN KEMALANGAN DAN KEMALANGAN NYARIS KEPADA UNIT KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (UKKP) USM

1. Setiap Ketua PTJ (Dekan/Pengarah/Penggawa/Penyelaras/ Ketua Jabatan bagi setiap Jabatan/Pusat Pengajian/Pusat / Desasiswa /Jabatan) hendaklah memastikan setiap kemalangan dan kemalangan nyaris yang berlaku di tempat kerja masing-masing dilaporkan kepada UKKP sebaik sahaja kemalangan tersebut dikenalpasti atau berlaku di PTJ masing-masing dengan menalifon UKKP.
2. Pusat Kesihatan (@ HUSM di Kampus Kesihatan @ Unit Kesihatan, Kampus Kejuruteraan) juga hendaklah melaporkan kepada UKKP sekiranya terdapat mana-mana mangsa yang mendapat rawatan akibat kecederaan, penyakit atau keracunan pekerjaan di USM. Laporan tersebut hendaklah dibuat serta merta sebaik sahaja merawat mangsa tersebut dengan menalifon UKKP dan disusuli kemudiannya dengan Borang Laporan Rawatan Perubatan Mangsa Kemalangan (**Borang UKKP RP1**) dan disalinkan kepada ketua PTJ masing-masing.
3. Jabatan Keselamatan (Pasukan Tindakan Kecemasan) yang menerima laporan kecemasan, kemalangan dan seumpamanya untuk tindakan menyelamatkan hendaklah melaporkan kepada UKKP dengan serta merta sebaik sahaja menerima laporan tersebut dengan menalifon UKKP.

D. PENYIASATAN KEMALANGAN DAN KEMALANGAN NYARIS

1. UKKP sebaik sahaja menerima laporan tersebut hendaklah menjalankan siasatan awal untuk mendapatkan fakta/maklumat dan keterangan daripada individu yang terlibat secara langsung, mangsa kemalangan, saksi kemalangan, Penyelia/Ketua Jabatan atau mereka yang berkenaan dengan kaedah berikut, ***dimana yang perlu;***

- 1.1 Mendapatkan Laporan bertulis dengan menggunakan borang-borang berikut yang berkenaan;
 - **Borang UKKP PK1** - Laporan Kenyataan/Aduan
 - **Borang UKKP PK2** - Laporan Kemalangan
 - **Borang UKKP PK3** - Laporan Kebakaran
 - **Borang UKKP PK4** - Laporan Kemalangan Nyaris
 - 1.2 Menemubual dan merekod kenyataan/percakapan
 - 1.3 Menyiasat di tempat kejadian/kemalangan
 - 1.4 Mengambil gambar-gambar foto/video
 - 1.5 Mengumpul dokumen-dokumen, bahan-bahan bukti dan seumpamanya
2. Berdasarkan siasatan awal tersebut juga, UKKP hendaklah berbincang dengan Pengerusi JKKP bagi memastikan samaada kemalangan tersebut memerlukan penyiasatan lanjut Jawatankuasa Penyiasatan Khas atau memanggil Mesyuarat Khas JKKP bagi membincangkan kemalangan tersebut atau sebaliknya.
 3. Laporan penyiasatan yang terperinci hendaklah di bentangkan dan dibincangkan pada Mesyuarat JKKP yang datang untuk tindakan pembaikan selanjutnya.

E. PEMBERITAHUAN KEMALANGAN KEPADA JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA (DOSH)

1. Kemalangan dan Kejadian Berbahaya
 - (i) UKKP hendaklah melaporkan kepada DOSH yang terdekat dengan cara yang paling cepat dan dalam masa 7 hari menghantar laporan kemalangan dengan menggunakan borang yang diluluskan (**Borang JKKP6 dan JKKP9**) bagi kemalangan atau kejadian berbahaya berikut;

- (a) mati, atau
 - (b) kecederaan badan yang serious dan menghalang daripada mengikuti pekerjaan biasa selama lebih 4 hari kalender (mendapat cuti sakit melebihi 4 hari kalender)
 - (c) kejadian berbahaya
- (ii) Seseorang yang mengalami kecederaan badan yang menghalangnya daripada mengikuti pekerjaan biasa selama lebih 4 hari kalender (mendapat cuti sakit melebihi 4 hari kalender), UKKP hendaklah menghantar laporan kemalangan kepada DOSH yang terdekat dalam masa 7 hari dengan menggunakan borang yang diluluskan (**Borang JKKP6**)
- (iii) Jika kematian berlaku dalam tempoh setahun dari tarikh kemalangan, UKKP hendaklah melaporkan kepada Ketua Pengarah, DOSH secara bertulis dengan seberapa segera apabila diketahuinya.

2. Keracunan atau Penyakit Pekerjaan

- (i) Jika seseorang yang mengidap atau mungkin mengidap keracunan pekerjaan atau penyakit pekerjaan, UKKP hendaklah menghantar laporan kemalangan kepada DOSH yang terdekat dalam masa 7 hari dengan menggunakan borang yang diluluskan (**Borang JKKP7 dan JKKP10**)
- (ii) Pengamal perubatan berdaftar atau pegawai perubatan USM yang merawat atau dipanggil melawat seseorang pesakit yang dipercayai mengidap keracunan atau penyakit pekerjaan hendaklah melapor kepada Ketua Pengarah DOSH dalam masa 7 hari dengan menggunakan borang yang diluluskan (**Borang JKKP6**) dan dalam masa yang sama memaklumkan kepada UKKPU dan ketua PTJ masing-masing.

F. PENYELENGGARAAN REKOD DAN DAFTAR KEMALANGAN

1. UKKP hendaklah merekod dan menyelenggarakan rekod berhubung setiap Kemalangan, Kejadian Berbahaya, Keracunan Pekerjaan dan Penyakit Pekerjaan samaada yang perlu dilaporkan kepada DOSH atau tidak mengikut borang yang ditetapkan (**Borang JKKP8**)

2. Daftar tersebut perlu disimpan sekurang-kurangnya selama 5 tahun dari tarikh kejadian
3. Daftar tersebut perlu dikemukakan kepada Ketua Pengarah DOSH pada setiap tahun, iaitu sebelum 31 Januari bagi daftar yang berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

G. LAMPIRAN-LAMPIRAN

1. Jadual-Jadual
 - ❑ [Jadual 1](#) - Kecederaan Badan Yang Serius
 - ❑ [Jadual 2](#) – Kejadian Berbahaya
 - ❑ [Jadual 3](#) – Keracunan Pekerjaan dan Penyakit Pekerjaan
2. Borang Aduan/Penyiasatan USM (Dalaman)
 - ❑ [UKKP RP1](#) - Laporan Rawatan Perubatan Mangsa Kemalangan
 - ❑ [UKKP PK1](#) - Laporan Kenyataan/Aduan
 - ❑ [UKKP PK2](#) - Laporan Kemalangan
 - ❑ [UKKP PK3](#) - Laporan Kebakaran
 - ❑ [UKKP PK4](#) - Laporan Kemalangan Nyaris
3. Borang Aduan/Penyiasatan DOSH
 - ❑ [JKKP 6](#) - Pemberitahuan Mengenai Kemalangan/ Kejadian Berbahaya
 - ❑ [JKKP 7](#) - Pemberitahuan Mengenai Keracunan Pekerjaan/Penyakit Pekerjaan
 - ❑ [JKKP 8](#) - Daftar Kemalangan, Kejadian Berbahaya, Keracunan Pekerjaan dan Penyakit Pekerjaan
 - ❑ [JKKP 9](#) - Data Kemalangan

- [JKKP 10](#) - Data Keracunan dan Penyakit Pekerjaan

4. Carta Alir Aduan Dan Penyiasatan Kemalangan USM

H. PENUTUP

Sekiranya terdapat sebarang pertindihan, kekeliruan atau kekurangan maka Akta KKP 94' dan Peraturan-Peraturannya, terutama Peraturan-Peraturan KKP (Pemberitahuan Mengenai Kemalangan, Kejadian Berbahaya, Keracunan Pekerjaan dan Penyakit Pekerjaan) 2004 hendaklah dirujuk sebagai silih ganti bagi melengkapkan prosedur ini.

JADUAL PERTAMA

[subperaturan 5(1)]

KECEDERAAN BADAN YANG SERIUS

1. Emaskulasi
2. Kurang penglihatan yang kekal salah satu mata
3. Kurang pendengaran yang kekal salah satu telinga
4. Kurang mana-mana anggota atau sendi
5. Kemusnahan atau kerosakan yang kekal upaya mana-mana anggota atau sendi
6. Kecacatan yang kekal pada kepala atau muka
7. Patah atau dislokasi tulang
8. Hilang kesedaran akibat daripada kekurangan oksigen
9. Hilang kesedaran atau sakit akut akibat daripada penyerapan, penyedutan atau pengingesan apa-apa bahan, yang memerlukan rawatan oleh pengamal perubatan berdaftar
10. Apa-apa hal tentang keadaan tidak sihat akut yang terdapat sebab untuk mempercayai bahawa hal ini ialah akibat daripada pendedahan kepada patogen terasing atau bahan yang dijangkiti semasa bekerja
11. Apa-apa kecederaan atau luka terbakar lain yang berhubungan dengan kerja yang mengakibatkan orang yang tercedera dimasukkan ke dalam hospital dengan serta-merta selama lebih daripada 24 jam

JADUAL KEDUA

[subperaturan 5(1)]

KEJADIAN MERBAHAYA

BAHAGIAN I

KEJADIAN MERBAHAYA YANG BOLEH DIBERITAHU APABILA BERLAKU DI MANA-MANA

KERUNTUHAN PERANCAH

1. Keruntuhan atau keruntuhan sebahagian daripada mana-mana perancah yang tingginya lebih daripada 5 meter yang mengakibatkan sebahagian besar daripada perancah jatuh atau terbalik.

KERUNTUHAN BANGUNAN ATAU STRUKTUR

2. Di mana-mana bangunan atau struktur yang dalam pembinaan, pembinaan semula, pengubahsuaian atau perobohan, keruntuhan atau keruntuhan sebahagian daripada mana-mana bahagian bangunan atau struktur itu, atau daripada mana-mana topang sementara, kecuali jika cara dan takat keruntuhan atau keruntuhan sebahagian disengajakan.

LITAR PINTAS ELEKTRIK

3. Litar pintas atau beban lampau elektrik yang disertai api atau letupan yang mengakibatkan pemberhentian loji yang terlibat selama lebih daripada 24 jam dan yang mungkin boleh menyebabkan kecederaan badan yang serius kepada mana-mana orang.

PELEPASAN BAHAN

4. Pembebasan atau pelepasan tidak terkawal apa-apa bahan atau agen dalam hal keadaan yang mungkin boleh menyebabkan kerosakan kepada kesihatan atau kecederaan yang serius kepada mana-mana orang.

LETUPAN, KEBAKARAN ATAU KEGAGALAN STRUKTUR

5. Letupan, kebakaran atau kegagalan struktur yang menjejaskan keselamatan atau kekuatan mana-mana tempat kerja atau loji yang terdapat di dalam tempat kerja itu.

6. Apa-apa letupan atau kebakaran yang berlaku di mana-mana tempat kerja yang berpunca daripada penyalaan bahan terproses, barangan sampingan atau barangan siapnya yang mengakibatkan pemberhentian atau penggantungan kerja biasa di tempat itu selama lebih daripada 24 jam.

7. Peletusan bekas yang berputar, roda, batu pengasah atau roda pengasah yang digerakkan oleh kuasa mekanik.

8. Peletusan, peletupan atau keruntuhan talian paip atau mana-mana bahagiannya; atau penyalaan apa-apa benda di dalam talian paip, atau apa-apa benda yang sebaik sebelum ia dinyalakan, berada di dalam talian paip.

9. Peletupan, keruntuhan, peletusan atau kegagalan struktur yang menjejaskan keselamatan atau kekuatan apa-apa vesel tertutup termasuklah dandang stim atau vesel tekanan tidak berapi; kehilangan air, peleburan palam boleh lakur dan peletusan tiub.
10. Kebakaran atau letupan di dalam sesuatu gudang atau kawasan penyimpanan di mana bahan berbahaya disimpan.

JENTERA PENGANGKAT DSB

11. Keruntuhan, keterbalikan atau kegagalan apa-apa beban yang menahan sebahagian daripada mana-mana kren, derik, win pesawat angkat, kerangka cerucuk, lif, pengorek atau perkakas lain yang digunakan untuk menaikkan atau menurunkan orang atau barang atau mana-mana bahagiannya.

JADUAL KETIGA

[Peraturan 7]

KERACUNAN PEKERJAAN DAN PENYAKIT PEKERJAAN

Ruang 1

Ruang 2

*Perihal keracunan atau penyakit
pekerjaan*

Jenis aktiviti/pekerjaan

KERACUNAN

1. Keracunan oleh:

- | | |
|---|---|
| (a) Monomer Akrilamida | Apa-apa aktiviti. |
| (b) Alkohol, glikol, keton atau aldehid | Penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada wasap atau wap alkohol, glikol, keton atau aldehid. |
| (c) Antimoni | Penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada wasap, habuk atau wap antimony atau sebatian antimoni atau bahan yang mengandungi antimoni. |
| (d) Arsenik | Penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada wasap, habuk atau wap arsenik atau sebatian arsenik atau bahan yang mengandungi arsenik atau pendedahan kepada apa-apa larutan yang mengandungi arsenik atau sebatian arsenik. |
| (e) Benzena atau homolog | Penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada wasap, habuk atau wap yang mengandungi benzena atau apa-apa homolognya dan terbitan amino dan nitronya. |
| (f) Berilium atau salah satu daripada sebatianannya | Penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada wasap, habuk atau wap berilium atau sebatian berilium atau bahan yang mengandungi berilium. |

(g) Kadmium	Penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada wasap, habuk atau wap kadmium atau sebatian kadmium atau bahan yang mengandungi kadmium.
(h) Karbon disulfida	Penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada wasap, habuk atau wap karbon disulfida atau sebatian karbon disulfida atau bahan yang mengandungi karbon disulfida.
(i) Gas karbon monoksida	<p>Penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada gas karbon monoksida, dan apa-apa proses yang melibatkan penggunaan-penggunaan</p> <p>(i) dinamit dan serbuk letupan bagi peletusan di lorong-lorong di bawah tanah;</p> <p>(ii) gas penyinar;</p> <p>(iii) gas kuasa atau gas relau;</p> <p>(iv) relau bagas, relau dan dapur bagi pembakaran kok arang dan bahan api lain;</p> <p>(v) enjin gas.</p>
(j) Gas karbon dioksida	Peletusan, pengilangan air mineral, penapaian di kilang-kilang bir dan pembentukan kapur di tanur-tanur kapur.
(k) Kromium	Penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada wasap, habuk atau wap kromium. atau sebatian kromium atau bahan yang mengandungi kromium.
(l) Dietilena dioksida (dioksana)	Penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada wasap atau wap yang mengandungi dietilena dioksida.
(m) Etilena oksida	Apa-apa aktiviti.
(n) Fluorin	Penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada wasap, habuk atau wap fluorin atau sebatian fluorin atau bahan yang mengandungi fluorin.
(o) Gas hidrogen sianida atau gas hidrogen sulfida	Penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada wasap atau wap hidrogen sianida atau hidrogen sulfida.

(p) Plumbum atau sebatian	Penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada wasap, habuk atau wap plumbum atau sebatian atau bahan yang mengandungi plumbum.
(q) Mangan atau sebatianannya	Penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada wasap, habuk atau wap mangan atau sebatian mangan atau bahan yang mengandungi mangan.
(r) Raksa atau salah satu daripada sebatianannya	Penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada wasap, habuk atau wap raksa atau sebatian raksa atau bahan yang mengandungi raksa.
(s) Metil bromida	Apa-apa aktiviti.
(t) Nitroklorobenzena, atau terbitan nitro, amino atau kloro daripada benzena atau homolog benzene	Apa-apa aktiviti.
(u) Nikel	Penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada wasap, habuk atau wap nikel atau sebatian nikel atau bahan yang mengandungi nikel.
(v) Wasap nitrus	Penggunaan atau pengendalian asid nitric atau pendedahan kepada wasap nitrus.
(w) Organoklorin, organofosfat, karbamat, nitrofenol, pentaklorofenol, dimetil-ditiokarbamat atau sebatian klorofenoksi dan dipiridil	Penggunaan atau pengendalian organoklorin, organofosfat, karbamat, nitrofenol, pentaklorofenol, dimetilditiokarbamat atau sebatian-sebatian klorofenoksi dan dipiridil untuk membinasakan makhluk perosak atau <i>vermin</i>
(x) Fosforus	Penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada wasap, habuk atau wap fosforus atau sebatian fosforus atau bahan yang mengandungi fosforus.
(y) Kayu Rengas	Pengerjaan kayu Rengas atau apa-apa proses pengilangan barang-barang daripadanya atau proses yang bersampingan dengan pengilangan barang-barang daripadanya.
(z) Terbitan halogen daripada hidrokarbon alifatik atau aromatik	Pengeluaran, pembebasan atau penggunaan hidrokarbon daripada siri alifatik atau siri aromatik dan terbitan-terbitan halogenya.

JANGKITAN

2. Antraks
Apa-apa pekerjaan yang melibatkan pengendalian benang bulu, rambut, bulu kejur, belulang atau kulit atau hasil-hasil atau baki-baki lain daripada binatang, atau hubungan dengan binatang-binatang yang dijangkiti antraks.
3. Glanders
Apa-apa pekerjaan yang melibatkan hubungan dengan binatang jenis kuda atau bangkainya.
4. Leptospirosis
Apa-apa pekerjaan yang melibatkan kerja di tempat-tempat yang banyak tikus atau rodent yang lain dan apa-apa pekerjaan yang melibatkan penjagaan atau pengendalian anjing-anjing, lembu kerbau, babi dan kuda atau mana-mana binatang lain yang telah dijangkiti penyakit.
5. Tuberkulosis atau kusta
Apa-apa pekerjaan yang melibatkan hubungan yang rapat atau kerap dengan sumber atau sumber-sumber jangkitan tuberkulosis atau kusta disebabkan oleh pekerjaan-
- (a) dalam rawatan perubatan seseorang yang menghidap tuberkulosis atau kusta atau dalam sesuatu perkhidmatan yang bersampingan dengan rawatan itu;
 - (b) dalam melayan seseorang yang menghidap tuberkulosis atau kusta, jika layanan itu adalah perlu oleh sebab kelemahan jasmani atau mental orang itu;
 - (c) sebagai seorang penyelidik yang menjalankan penyelidikan berkenaan dengan tuberculosi atau kusta; atau
 - (d) sebagai seorang pekerja makmal, ahli patologi atau pekerja *post-mortem*, jika pekerjaan itu melibatkan penggunaan benda yang menjadi sumber jangkitan tuberculosi atau kusta atau dalam apa-apa pekerjaan yang bersampingan dengan pengajian itu.
6. Hepatitis virus
Apa-apa pekerjaan yang melibatkan
- (a) hubungan yang rapat dan kerap dengan darah manusia atau hasil-hasil darah manusia; atau

(b) hubungan yang rapat dan kerap dengan sumber jangkitan hepatitis virus kerana bekerja memberikan rawatan perubatan kepada orang atau orang-orang yang menghidap penyakit hepatitis virus, atau dalam sesuatu perkhidmatan yang bersampingan dengan rawatan itu.

7. Apa-apa penyakit yang disebabkan oleh patogen

Kerja yang melibatkan patogen yang menyebabkan bahaya kepada kesihatan manusia

8. *Acquired Immunodeficiency Syndrome (AIDS)*

Apa-apa pekerjaan yang melibatkan

(a) hubungan yang rapat dan kerap dengan darah manusia atau hasil-hasil darah manusia; atau

(b) hubungan yang rapat dan kerap dengan sumber jangkitan AIDS kerana bekerja memberikan rawatan perubatan kepada orang yang menghidap AIDS, atau orang-orang yang dijangkiti *Human Immuno deficiency Virus* atau dalam sesuatu perkhidmatan yang bersampingan dengan rawatan itu.

PENYAKIT KULIT

9. Akne

Kerja yang melibatkan pendedahan kepada minyak mineral, tar, gegala atau arsenik.

10. (a) Keulseran pada permukaan kornea mata

Apa-apa pekerjaan yang melibatkan penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada tar, gegala, sekam padi, bitumen, minyak mineral (termasuk parafin), jelaga, habuk organik atau apa-apa baki mana-mana bahan ini.

(b) Ketumbuhan baru setempat pada kulit, papiloma atau keratit

(c) Barah epitelium atau ulser pada kulit disebabkan, dalam apa-apa hal, oleh tar, gegala, sekam padi, bitumen, minyak mineral (termasuk parafin), jelaga atau apa-apa sebatian, hasil atau baki mana-mana bahan ini.

- | | |
|---|---|
| 11. Folikulitis | Kerja yang melibatkan pendedahan kepada minyak mineral, tar, gegala atau arsenik. |
| 12. Barah kulit | Kerja yang melibatkan pendedahan kepada minyak mineral, tar, gegala atau arsenik. |
| 13. Keulseran krom | Apa-apa pekerjaan yang melibatkan penggunaan atau pengendalian asid kromik, kromat atau bikromat ammonia, kalium, zink atau natrium, atau apa-apa persediaan atau larutan yang mengandungi mana-mana bahan ini. |
| 14. Radang, keulseran atau penyakit malignan pada kulit atau tisu subkulitan tulang atau leukemia, atau anemia jenis aplasia akibat sinaran X, zarah mengion, radium atau bahan radioaktif lain atau bentuk tenaga sinaran lain | Apa-apa pekerjaan yang melibatkan pendedahan kepada sinar-X, zarah mengion, radium atau bahan radioaktif lain atau bentuk tenaga sinaran lain. |
| 15. Selulitis subkulitan atau bursitis akut yang terjadi pada atau di sekitar lutut | Apa-apa pekerjaan yang melibatkan kerja kasar yang menyebabkan geseran atau tekanan kuat atau lama pada atau di sekitar lutut. |
| 16. Selulitis subkulitan pada tangan | Apa-apa pekerjaan yang melibatkan kerja kasar yang menyebabkan geseran atau tekanan kuat atau lama pada tangan. |
| 17. Selulitis subkulitan atau bursitis akut yang terjadi pada atau | Apa-apa pekerjaan yang melibatkan kerja kasar yang menyebabkan geseran atau tekanan kuat atau di sekitar siku lama pada siku. |
| 18. Dermatitis pekerjaan | Apa-apa pekerjaan yang melibatkan pengendalian minyak mineral, asid, alkali, habuk atau apa-apa agen luaran lain yang boleh mengganggu kulit. |
| 19. Penyakit kulit yang disebabkan oleh kayu Rengas | Pengerjaan kayu Rengas atau apa-apa proses dalam atau bersampingan dengan pengilangan barang-barang daripadanya. |

PENYAKIT PARU-PARU

- | | |
|--|---|
| 20. Barah para-paru atau mesotelioma yang disebabkan oleh asbestos | Apa-apa pekerjaan yang melibatkan yang perlombongan, pemprosesan atau pengendalian benda-benda yang mengandungi asbestos. |
|--|---|

21. Penyakit bronko pulmonari
 Apa-apa pekerjaan yang melibatkan pendedahan yang banyak kepada sedutan habuk logam keras, habuk kapas, habuk flaks atau rami atau sisal atau daun teh atau sekam padi.
22. Kerengsaan pulmonari
 Apa-apa pekerjaan yang melibatkan sedutan sulfur oksida, klorin, fosgen, ammonia, bromin, ozon atau nitrogen dioksida.
23. Asma pekerjaan yang disebabkan oleh pemeka atau perengsa
 Apa-apa pekerjaan yang melibatkan pendedahan kepada sedutan habuk-habuk mineral seperti simen, kuprum, zink, habuk binatang seperti tulang atau rambut, atau habuk yang berasal daripada tumbuhan seperti kapas, kayu, flaks, jut, sekam padi, gabus, rempah, rami, sisal, tembakau, teh, tepung atau gas atau wap-wap toluena diisosiyanat atau formaldehid atau apa-apa agen lain yang boleh menyebabkan asma.
24. Pneumokoniosis (silikosis, asbestosis, antrakosilikosis, stanosis, siderosis atau siderosilikosis)
 Apa-apa pekerjaan yang melibatkan-
- (a) kerja-kerja melombong, mengkuari atau mengerjakan batu silika atau mengerjakan pasir kuarzos kering atau apa-apa endapan kering silika atau baki kering silika atau apa-apa campuran kering yang mengandungi benda-benda itu;
 - (b) pengendalian mana-mana benda yang dinyatakan dalam subperenggan (a) dalam atau bersampingan dengan mana-mana pekerjaan yang disebut di dalamnya atau pendedahan yang banyak kepada habuk yang terbit daripada pekerjaan itu;
 - (c) pemecahan, penghancuran atau pengisaran flin atau pengerjaan atau pengendalian flin pecah, hancur atau terkisar atau benda-benda yang mengandungi flin sedemikian atau pendedahan yang banyak kepada habuk yang terbit daripada pekerjaan itu;
 - (d) peletusan pasir dengan menggunakan udara mampat bersama-sama dengan penggunaan pasir kuarzos atau batu silika atau flin yang dihancurkan, atau pendedahan yang banyak kepada habuk yang terbit daripada peletusan pasir itu;

- (e) pengisaran grafit mineral atau pendedahan yang banyak kepada habuk yang terbit daripada pengisaran itu;
- (f) pekerjaan di tempat peleburan atau pelaksanaan, atau pendedahan yang banyak kepada habuk yang terbit daripada mana-mana pekerjaan yang berikut :
 - (i) pembebasan tuangan keluli daripada bahan siliseus yang melekat;
 - (ii) pembebasan tuangan logam daripada bahan siliseus yang melekat;
- (g) pengilangan barang-barang tembikar kaolin atau tembikar (termasuk barang tembikar sanitari, jubin tembikar elektrik), dan apa-apa pekerjaan yang melibatkan pendedahan yang banyak kepada habuk yang terbit daripadanya;
- (h) pengolahan granit atau batu igneus oleh tukang batu atau penghancuran benda-benda tersebut atau pendedahan yang banyak kepada habuk yang terbit daripadanya;
- (i) penggunaan atau penyediaan bagi kegunaan, batu giling atau pendedahan yang banyak kepada habuk yang terbit daripadanya;
- (j) pembersihan kerak dandang atau pendedahan yang banyak kepada habuk yang terbit daripadanya;
- (k) pengerjaan atau pengendalian asbestos atau apa-apa campuran asbestos, atau pengilangan atau pembaikan tekstil asbes-tos atau barang-barang lain yang mengandungi asbestos atau pendedahan yang banyak kepada habuk yang terbit daripada mana-mana pekerjaan yang disebut terdahulu;

- (l) pekerjaan di mana-mana lombong (di bawah tanah atau di atas tanah) yang salah satu daripada tujuan pekerjaan melombong itu adalah untuk mendapatkan apa-apa mineral, atau pengerjaan atau pengendalian apa-apa mineral yang diekstrak daripadanya, atau mana-mana pekerjaan yang bersampingan denganya;
- (m) pengilangan elektrod karbon bagi kegunaan pengekstrakan elektronik aluminium oksida dan apa-apa pekerjaan yang melibatkan pendedahan yang banyak kepada habuk yang terbit daripadanya;
- (n) pendedahan kepada sedutan habuk yang mengandungi besi dan silika atau hematit;
- (o) pendedahan kepada sedutan habuk atau wasap timah; penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada habuk talkum atau bahan yang mengandungi talkum;
- (p) penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada wasap, habuk atau wap aluminium atau bahan yang mengandungi aluminium.

25. Alveolitis ekstrinsik (penyakit paru-paru petani)

Pendedahan kepada kulat, termasuk spora fungus atau protein heterologus semasa bekerja dalam bidang

- (a) pertanian, hortikultur, perhutanan, penanaman cendawan boleh dimakan atau pemprosesan malt;
- (b) pemuatan atau pemunggaan atau pengendalian di tempat simpanan bahan tumbuhan berkulat atau cendawan boleh dimakan;
- (c) penjagaan atau pengendalian burung;
- (d) pengendalian hampas tebu; atau
- (e) penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada sekam atau habuk padi atau bahan yang mengandungi sekam padi.

26. Bisinosis
Bekerja di dalam mana-mana bilik tempat apa-apa proses sehingga dan termasuk proses menenun dilakukan di dalam sesuatu kilang yang di dalamnya pemintalan atau pengerjaan kapas mentah atau kapas sisa atau flaks atau penenunan kapas atau flaks dijalankan.
27. Barah bronkus atau paru-paru
Bekerja di dalam kilang tempat nikel dihasilkan melalui penguraian sebatian nikel bergas yang memerlukan kerja dibuat di dalam atau di sekitar bangunan atau bangunan-bangunan tempat proses itu atau mana-mana proses industri lain yang bersampingan dengannya, dijalankan.
28. Penyakit fibrotik
Apa-apa pekerjaan yang melibatkan paru-paru, penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada wasap, habuk atau wap arang batu atau bahan yang mengandungi arang batu.

KEADAAN LAIN

29. Barah yang disebabkan oleh
- (a) 4-aminobifenil
Apa-apa pekerjaan yang melibatkan-
penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada wasap, habuk atau wap 4-aminobifenil atau bahan yang mengandungi 4-aminobifenil;
 - (b) Arsenik
penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada wasap, habuk atau wap arsenik atau bahan yang mengandungi arsenik;
 - (c) Benzena
penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada wasap, habuk atau wap benzena atau bahan yang mengandungi benzena;
 - (d) Benzidina
penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada wasap, habuk atau wap benzidina atau bahan yang mengandungi benzidina;
 - (e) Bis-kloro metil eter
penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada wasap, habuk atau wap bis-kloro metil eter atau bahan yang mengandungi bis-kloro metil eter;
 - (f) Kromium
penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada wasap, habuk atau wap kromium atau bahan yang mengandungi kromium;

(g) Hematit	penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada wasap, habuk atau wap hematit atau bahan yang mengandungi hematit;
(h) Gas mustard	penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada gas mustard atau bahan yang mengandungi gas mustard;
(i) β -naftilamina	penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada wasap, habuk atau wap β -naftilamina atau bahan yang mengandungi β -naftilamina;
